



19 JAN, 2025

Tarik potensi pelaburan RM 11 bilion

Mingguan Sarawak, Malaysia



Tarik potensi pelaburan RM11 bilion

LONDON: Lawatan kerja lima hari Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ke United Kingdom (UK) yang berakhir semalam, berjaya menarik potensi pelaburan bernilai RM11 bilion dalam pelbagai sektor, termasuk tenaga boleh baharu dan ekonomi digital.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, potensi eksport yang dijanakan dalam tempoh lima tahun akan datang berjumlah RM500 juta yang meliputi produk peralatan dan komponen pesawat, perabot serta makanan dan minuman.

Perkembangan itu turut menunjukkan keyakinan pelabur antarabangsa terhadap ekonomi Malaysia selain hubungan kerjasama yang lebih erat dengan kerajaan UK.

"Dalam pertemuan dengan ketua-ketua syarikat yang diselenggarakan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), nampaknya ada peningkatan mendadak dari segi kesediaan (untuk melabur)," katanya pada sidang media bersama media Malaysia yang membuat liputan lawatan kerja itu di sini.

Dalam lawatan itu, beliau turut mengadakan pertemuan dengan



JAWAB SOALAN... Datuk Seri Anwar Ibrahim menjawab soalan ketika sidang media berhubung lawatan kerja beliau ke UK. Turut kelihatan, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, Menteri Perlindungan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz. • Foto BERNAMA

beberapa syarikat besar di UK seperti Standard Chartered dan Jaguar Land Rover.

Mengulas selanjutnya, beliau berkongsi wujudnya tanda-tanda keyakinan daripada pihak kerajaan UK dan Perdana Menteri Sir Keir Starmer untuk mengukuhkan lagi kerjasama serta hubungan dengan Malaysia.

Beliau juga telah dimaklumkan Starmer akan menghantar Menteri Pembangunan UK Anneliese Dodds ke Malaysia pada bulan depan dan disusuli dengan kehadiran Menteri Indo-Pasifik Catherine West pada Mac depan.

"Bila mendapat isyarat seumpama itu nampaknya sudah ada komitmen untuk melabur RM11 bilion dalam pelbagai sektor

seperti automatif, digital, tenaga boleh baharu, perbankan, hartanah dan petrokimia," kata beliau.

Dalam lawatan itu yang juga pertama beliau sebagai Perdana Menteri ke UK, beliau turut bertemu rakan sejawatannya, Starmer di No.10 Downing Street pada Rabu.

Starmer menerusi satu ciapan di X selepas pertemuan itu berkata: "Hubungan akrab dan bersejarah. Daripada pelaburan hingga ke perdagangan dan pendidikan, hubungan UK dengan Malaysia kini lebih kukuh berbanding sebelumnya."

Perdagangan antara kedua-dua negara juga dijangka meningkat berikutan penyertaan

dalam Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP).

"Melalui CPTPP, penyertaan dalam kontrak; profesional dan barangan lebih mudah dibawa dari Malaysia.

"Syarikat-syarikat besar Malaysia seperti YTL, Tenaga Nasional Bhd, Gamuda, Eco-World yang melabur dan mempunyai projek besar di sini, akan mendapat faedah (daripadanya)," kata beliau.

Di bawah CPTPP, barangan seperti minyak kelapa sawit dan getah Malaysia yang sebelum ini dikenakan tarif masing-masing 12 peratus dan 6.5 peratus, akan mendapat manfaat akses sifar tarif ke pasaran UK. — Bernama